

TRANSFORMASI PENGURUSAN *ENDOWMENT* DAN WAKAF TUNAI

OLEH:

PROF DR HJ MD.SOM SUJIMON

Ketua Eksekutif

Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)

[Abstrak – Kertas kerja ini cuba untuk melihat dua bahagian penting dalam wakaf iaitu definisi wakaf dan definisi endowment. Untuk melihat sama ada endowment dan wakaf boleh ditransformasikan, penulis cuba menyorot apakah yang dimaksudkan dengan endowment. Contoh endowment daripada Universiti Harvard, Amerika Syarikat diketengahkan untuk dikaji. Apakah terdapat perbezaan di antara wakaf dan endowment yang didefinisikan oleh barat. Perbezaan di Antara Wakaf dengan “English Trust Law” juga akan disentuh dalam kertas kerjs ini. Ianya bertujuan untuk melihat sekiranya wakaf dan endowment mempunyai persamaan dari segi maksudnya, seharusnya apa yang dilaksanakan ialah menggunakan kaedah yang sama dari segi implikasi dan hukum. Seterusnya, kertas kerja ini akan menerangkan bagaimana “Wakaf Tunai” boleh ditransofrmasikan dalam Islam. Di akhir kertas kerja ini, perbincangan mengenai endowment dan wakaf tunai diulas dalam penutup dan kesimpulan].

1.0. Pendahuluan

Ramai daripada kalangan pengkaji ilmu kewangan Islam, menyarankan supaya sistem wakaf beroperasi secara profesional dan ditadbir di bawah sistem perbankan Islam. Tujuannya, supaya sistem kewangan Islam khususnya di Malaysia akan lebih bersifat komprehensif. Dalam hal ini, pemikir kewangan Islam moden Dr. Monzer Kahf,¹ pernah menyatakan sebab mengapa sistem wakaf tidak berdaya saing dalam sistem kewangan Islam adalah kerana

¹ Lihat contohnya, Monzer Kahf, “The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare”, International Seminar on Waqf as Private Legal Body, Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia, 6-7 Januari 2003.

wakaf Islam tidak diurus secara profesional.² Wakaf di Malaysia umumnya ditadbir oleh Majlis agama Islam negeri, kerana perkataan ‘*waqf*’ itu adalah istilah bahasa Arab yang datangnya daripada agama Islam itu sendiri. Justeru, sebagaimana di negeri-negeri lain di Malaysia, di negeri Johor, peruntukan wakaf terdapat dalam enakmen-enakmen berikut:

1. The Waqf Prohibition Enactment Johor 1911
2. Johore Waqf Enactment 1973
3. The Administration of Johor Islamic Religious Enactment 1978
4. Johore Waqf Procedure 1983 dan;
5. The Administration of Johore Islamic Religious Enactment 2003.³

Kesemua peraturan dan peruntukan berkaitan dengan wakaf terdapat dalam enakmen yang disebutkan itu.

2.0. Sejarah Ringkas Penubuhan Wakaf Johor

Wakaf negeri Johor, telah ditubuhkan pada tahun 1313H bersamaan 1895M. Pada mula ditubuhkan iaitu di peringkat pengurusan, wakaf tersebut telah ditadbir oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan kemudian telah diserahkan kepada State Secretary of Johor (Setiausaha Kerajaan Johor) khususnya dalam urusan pentadbiran dan pemegang amanah. Selang beberapa tahun kemudian dari segi pengurusannya ianya telah diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ), dikelolakan oleh Yang Dipertua Jabatan Agama Johor dan kemudian diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Johor dan berkuatkuasanya enakmen pentadbiran agama Islam Negeri Johor 1978 pindaan 2003.⁴

Melihat kepada potensi wakaf yang dapat mengumpulkan wang begitu banyak di peringkat negeri, maka terdapat segelintir badan kerajaan atau bukan kerajaan memilih untuk meneruskan usaha membangunkan dan mengekonomikan kegiatan perniagaan dan pelaburan wang wakaf dengan institusi tertentu yang telah menjalankan aktiviti wakaf atas nama *endowment*. Alasannya, kerana dana *endowment* boleh dilaburkan dan dana *endowment* sama

² Monzer Kahf, “The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare”, International Seminar on Waqf as Private Legal Body, Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia, 6-7 Januari 2003.

³ Masnooraini Binti Mohidin (Dr.), Waqf of Johor and Singapore, Tesis PhD Durham Universiti, United Kingdom, 2015.

⁴ Dato Hj Noh Gadot, “Transformasi Pengurusan Wakaf Johor: Pemangkian Sosio Ekonomi Ummah” Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Waqf Anjuran JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Putrajaya, Malaysia, Mei 2014.

seperti dana waqf Islam. Untuk meneliti apakah yang dimaksudkan dengan *endowment* barat itu, di sini saya ketengahkan definisi-definisinya.

Definisi pertama:

Endowment, a large amount of money that has been given to a school, hospital etc and that is used to pay for its creation and continuing support.

Definisi kedua:

Endowment is the act of providing money that has been given to school, hospital and that used to pay for its creation and continuing support.

Definisi ketiga:

*Endowment, the act of providing money to create of support a school, organization etc.*⁵

Endowment di barat umumnya merupakan satu perilaku menyediakan wang bagi menolong sesebuah sekolah, university, hospital, muzium, perpustakaan, pusat teater, sesebuah badan tertentu dan seumpamanya.

Di barat terdapat bermacam-macam jenis *endowment*. Dalam konteks ini, saya memilih hanya yang ada kaitan sahaja iaitu “*financial endowment*”. Ia bermaksud, “satu bentuk derma (sama ada berupa wang atau hartanah) yang diserahkan kepada NGO demi membantu NGO tersebut. Biasanya, pengurusan *endowmen* seperti ini agak tersusun di mana wang asas (*principal*) atau modal pelaburan akan sentiasa kekal seperti sediakala dan wang keuntungan daripada pelaburan tersebut boleh digunakan atau *endowmen* juga ialah wang keuntungan pelaburan atau ianya adalah sebahagian daripada wang *principal* yang diagih-agihkan pada setiap tahun dalam bentuk derma. *Endowmen* dalam hal ini boleh bersyarat dari segi penggunaannya.

“Endowment is a donation of money or property to a non-profit organization for the on-going support of that organization. Usually the endowment is structured so that the principal amount is kept intact while the investment incomes is available for use, or part of the principal is released each year which allows for the donation to have an impact over a longer period than if it were spent all at once. An endowment may come with stipulations regarding its usage”.⁶

⁵ Merriam Webster’s Learner’s Dictionary.

⁶ Wikipedia, the free Encyclopedia.

Dalam Business Dictionary, *endowment fund* bermaksud, wang amanah yang pelaburannya (bukan modal) yang boleh dilaburkan. “*Trust fund whose income, but not the principal sum, can be expended*”.⁷

Sebagaimana yang dicatatkan, sejarah panjang endowmen di barat adalah seperti berikut:

Waqf dalam Islam bermula di barat pada kurun ke 7 hingga ke kurun 9 adalah menyamai dengan “English Trust Law”. Kebanyakan wakaf yang disamakan dengan wakaf di barat ialah kerana minoriti Muslim yang tinggal di barat cuba untuk melaksanakannya kerana tiada wakaf di barat pada masa itu. Umumnya pelaksanaan endowment di barat sama seperti wakaf yang disebut dalam kitab-kitab fikah klasik di mana setiap wakaf mestilah ada pewakaf (donor), *mutawalli* atau dikenali di barat sebagai “Trustee”, hakim dan benefisiari. Seterusnya, pada tahun 1136M, Bishop Henry de Blois menubuhkan hospital St Cross.

Pada tahun 1152M, Countess of Richmond mencipta endowmen chair di Univeriti Oxford dan Cambridge untuk mengajar kursus ”divinity”. Pada tahun 1546M King Henry VIII (cucu kepada Countess of Richmond mencipta apa yang dikenali sebagai Regius Professorship untuk mengajar lima kursus termasuk undang-undang sivil, divinity, bahasa Greek, bahasa Hebrew dan fizik.

Pada tahun 1834M, Poor Law menubuhkan compulsory workhouse untuk orang susah (needy) dalam setiap Bandar besar atau kampung. Seterusnya, pada tahun 1901M, Mrs Jane Stanford telah mendermakan harta warisan yang berjumlah 40 juta USD kepada Universiti Leland Stanford Jr. Pada tahun 1948M, National Health Service telah ditubuhkan di Amerika Syarikat untuk menyediakan Health Care untuk orang yang memerlukan. Tahun 1965, National Endowment for the Arts ditubuhkan oleh Presiden Lyndon B .Johnson untuk mengembangkan kebudayaan.⁸

Maka sejak daripada itu endowmen di barat itu wujud maka ianya terus berkembang di mana pengkaji moden dalam kewangan Islam berpendapat bahawa “endowment” di barat adalah menyamai dengan definisi “Waqf” dalam Islam. Untuk memperhalusi masalah ini, saya cadangkan supaya prinsip endowmen yang diamalkan di barat dikaji lebih mendalam.

3.0. Perbezaan di Antara Wakaf dengan “English Trust Law”

⁷ Business Dictionary (BD).

⁸ Heather Long, History of Charitable Endowment Giving.

Waqf dalam Islam bermula di barat pada kurun ke 7 hingga ke kurun 9 adalah menyamai dengan “English Trust Law” atau juga dikenali sebagai “religious endowments”. Setiap wakaf mestilah ada pewakaf (donor), mutwalli atau dikenali di barat sebagai “Trustee”, hakim dan benefisiari. Dalam dua sistem ini, harta wakaf itu kekal dan manfaat wakaf boleh digunakan untuk manfaat individu tertentu atau untuk tujuan didermakan (charitable) kepada umum iaitu sama ada badan-badan atau persatuan-persatuan yang difikirkan perlu. Perbezaan yang nyata di antara waqf dan English Trust atau religious endowment adalah wakaf untuk tujuan didermakan kepada pihak tertentu dan ini biasanya merujuk kepada waqf *ahli* atau wakaf untuk ahli keluarga dan bukan waqf *khairi*. Selain daripada itu bahawa isu berkaitan *legal estate* dalam *trust property* di mana *property* dalam *trustee* masih boleh mentadbir *property* tersebut untuk kebaikan dan manfaat benefisiari. Justeru, dalam *English trustee* tidak berbeza jauh dengan “*mutawalli*”.

Umumnya, dari segi sejarah *endowment* di barat, ianya bermula pada zaman dinasti Roman di mana Marcus Aurelius membuat endowmen kepada 4 orang guru di Athens, Greece yang mengetuai jabatan falsafah. Aurelius percaya bahawa seseorang lelaki mesti yang mengetuainya. Selepas itu, semua sekolah di Greece telah mengikut jejak langkah tersebut.⁹

*“Charitable endowments” are money or property transfers donated to an institution typically assigned for specific purpose. Endowments are given to museums, colleges, universities, libraries, theaters, hospitals and more. Endowments come in the form of collections such as building, vehicles or art and in the form of money. Endowments go beyond discretionary funds. A professorship or chair may be endowed, which means the “charitable funds” finance the position at no cost to the university, allowing critical positions to be filled by an expert.*¹⁰

Tegasnya, wakaf di Malaysia merupakan satu isu yang berkaitan dengan agama. Umumnya, apa sahaja aktiviti yang berkaitan dengan agama di Malaysia seperti yang telah disebutkan adalah di bawah bidangkuasa kerajaan negeri. Melalui peredaran zaman dan atas sebab-sebab tertentu, terdapat beberapa pihak dengan melauai dasar keharusan manjalankan *hiyal al-shar’iyyah* telah cuba tidak menggunakan perkataan “*waqf*” tetapi menggunakan perkataan lain dan dalam konteks ini menggunakan perkataan “*endowment*” bertujuan untuk perniagaan dan mengelakkan diri daripada berurusan dengan kerajaan negeri kerana mereka berpendapat sekiranya ada campur tangan dengan kerajaan negeri, perniagaan yang dirancang tidak menguntungkan dan tidak akan berlaku secara cepat sebagai yang dirancang. Ini kerana

⁹ Heather Long, History of Charitable Endowment Giving.

¹⁰ Heather Long, History of Charitable Endowment Giving.

banyak daripada badan yang bukan kerajaan cuba untuk menerokai hal ini. Umampanya walaupun tujuan dan maksudnya sama, maka *endowment* telah diketengahkan untuk menjadikan ianya *justified*.

Wakaf sebagaimana yang tercatat dalam Islam merupakan satu amalan mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah. Justeru, dalam era kini banyak daripada kalangan ulama yang cuba membuat suatu transformasi dengan menyatakan yang waqf boleh daripada wang yang tidak kekal dan inilah ijtihad baharu yang diusahakan oleh para ulama kontemporari.

Justeru, naluri manusia yang kaya, tidak kira, sama ada Muslim atau non-Muslim ialah setelah segala tuntutan dan keperluan hidup dapat dikecapi iaitu individu tersebut akan membelanjakan sebahagian daripada wangnya untuk diberikan kepada orang lain khususnya yang kurang bernasib baik seperti orang fakir dan miskin. Amalan ini bukan sahaja merupakan satu lumrah sahaja sebaliknya amalan yang baik ini mampu memberi ketenangan spiritual yang barangkali dapat dirasai oleh orang-orang kaya. Lihat sahaja Bill Gates, Oprah Winfrey, Donald Trump, tokoh korporat Amerika dan di Malaysia umpamanya Syed Mokhtar al-Bukhari, Azman Hashim dan ahli perniagaan dan usahawan lain yang berjaya.

Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa fitrah manusia sememangnya suka untuk mendermakan sebahagian daripada wang dan kekayaannya kepada orang yang kurang bernasib baik kerana amalan yang mulia ini merupakan tuntutan ajaran agama Islam itu sendiri di mana setiap orang Islam diwajibkan membayar zakat. Selain daripada amalan wajib dalam ajaran Islam, amalan-amalan sunat seperti melakukan *waqf*, wasiat, berderma, sedekah, *hibah*, *tabarru'* dan lain-lain juga digalakkan dalam Islam.

Perkara-perkara sunat yang berkaitan dengan kewangan Islam ini amat penting dan perlu dibincangkan secara mendalam dan secara sistematik oleh para ulama klasik mahupun ulama kontemporari kerana sebelum ini perkara yang penting sedemikian belum pernah mereka bincangkan. Sungguhpun amalan-amalan sunat dalam Islam ini tidaklah begitu penting untuk dibincangkan berbanding dengan amalan-amalan wajib tetapi apabila kita berhadapan dengan permasalahan dan persoalan yang agak rumit khususnya yang berkaitan dengan kewangan Islam (*mu'amalat*), kita tiada rujukan sistem yang menyeluruh mengenai hal tersebut yang telah diputuskan oleh ulama Islam selain daripada perkara yang diputuskan oleh ulama Islam secara *ijtihadi* sahaja. Justeru dalam artikel ini, suatu percubaan akan dibuat untuk melihat potensi waqf bank dapat dianalisa kerana wang kutipan derma yang dilakukan

di sesebuah masjid di Malaysia setiap hari Jumaat sahaja jika diurus dengan secara lebih perofesional ianya boleh dijadikan asas sebagai “Bank Waqf”.

4.0. Hukum Asal Wakaf Tunai

Terdapat dua kumpulan ulama yang tidak sekata mengenai wakaf Tunai. Asas pemikirannya ialah sama ada wang perak (*dirham*) atau wang emas (*dinar*) boleh dijadikan sebagai objek wakaf. Kumpulan pertama, Imam Abu Hanifah dan Abu Yusuf dan salah satu pendapat Maliki dan majoriti pengikut mazhab Shafi’i dan Imam Ibn Hanbal berpendapat wang tunai (dinar dan emas) tidak boleh dijadikan objek wakaf. Kumpulan kedua, majoriti mazhab Maliki, Imam al-Zuhri, Imam Zufar pula mengharuskan wang tunai iaitu dinar dan emas dijadikan sebagai objek wakaf.¹¹ Alasannya kerana pada masa kini, boleh dikatakan setiap anggota masyarakat memerlukan wang untuk keperluan hidup.¹² Maka atas dasar ini mereka mengharuskan wakaf dengan wang tunai.¹³ Untuk mengembangkan idea ini, dalam kertas kerja ini, pendapat mazhab aliran ahlussunnah wal jama’ah iaitu mazhab Maliki dijadikan sebagai sandaran untuk mengharuskan wakaf tunai dan seterusnya mengharuskan penubuhan bank wakaf.


Dilihat pada senario masa kini, pemikir-pemikir kontemporari termasuk yang bukan Islam seperti Barber Johannsen umpamanya, seorang Professor daripada Universiti Harvard, Amerika Syarikat melihat potensi yang begitu besar dan menganggap wakaf merupakan salah satu daripada sistem kewangan Islam yang amat berpotensi. Justeru waqf dalam Islam seolah-olah menyamai dengan terma yang diterima pakai dalam bahasa Inggeris dan disebut sebagai *philantrophy*, kerana apa sahaja bentuk amal bakti yang berupa amal kebajikan yang dilakukan oleh barat adalah dikenali dengan *philantrophy*. Pendapat saya dalam hal ini agak berbeza sedikit dengan maksud berlandaskan perspektif Islam. Umpamanya, sedekah jariah yang definisinya agak umum iaitu mendermakan sebahagian harta untuk mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah. Antara sedekah jariah yang tidak disebut dalam bab *fiqh Mu’amalat* ialah *waqf* dan *hibah* kerana dalam buku-buku klasik Islam, dua perkara ini tercatat dalam tajuk khas yang seolah-olah tidak ada kaitan dengan *fiqh Mu’amalat*. Seperti mana yang kita maklum bahawa terdapat banyak sedekah jariah yang tidak disebut dalam *fiqh Mu’amalat*

¹¹ Mohamad Tahir Sabit Haji Mohamad, *Permissibility of Establishing Waqf Bank in Islamic Law*, 2011.

¹² *Majma’ al-Fiqh al-Islami* dalam symposium (*mu’tamar*) kali ke – 15 No: 140 (15/6), Muscat, Oman, 6-11 Mac 2004


¹³ Lihat *Majallah Ada’ al-Mu’assasah al-Jaza’iriyah*, bil. 2, 2012.

seperti sedekah, hadiah, *tabbaru'*, saguhati, derma dan kesemua amalan tersebut adalah termasuk di dalam pentafsiran ulama dalam surah al-'Imran ayat 92;



“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Perkara-perkara kebajikan tersebut berasal daripada perkataan “*birr*”. Ayat al-Qur’an dalam al-Ma’idah:2;



“...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya”

Makna “*al-birr*” dalam konteks ayat tersebut mengikut kebanyakan pendapat daripada ahli tafsir adalah merujuk kepada segala bentuk kebajikan yang kalau dilakukan oleh orang Islam, balasannya adalah syurga.¹⁴ Justeru hukum waqf adalah merujuk kepada melakukan kebajikan dan hukumnya adalah sunat. Oleh sebab itu perbuatan-perbuatan sunat termasuk dalam pentafsiran tersebut adalah berderma dengan wang ringgit, melakukan *hibah*, melakukan *tabarru'* dan apa sahaja yang berkaitan dengannya dan hukumnya adalah sunat.

Daripada penjelasan mengenai erti “*birr*” atau membuat kebajikan nampaknya perbincangan mengenai isu wakaf pada masa kini telah melangkaui apa yang kita fikirkan sebelum ini. Sebelum ini, apa yang kita fahami bahawa wakaf merujuk kepada sesaorang yang mewakafkan sebahagian daripada hartanya seperti tanah atau lain-lain untuk diwakafkan dan dijadikan sebagai tapak masjid, sekolah atau bangunan. Pengertian wakaf pada masa kini telah banyak diperbahaskan oleh pemikir-pemikir dalam mazhab empat khususnya mazhab Maliki di mana mazhab ini mengharuskan wakaf wang tunai. Ini merupakan salah satu daripada instrumen baru yang diamalkan oleh negara-negara Islam

¹⁴ Lihat umpamanya Wahbah al-Zuhaili, *Tafsir al-Munir*, Dar al-Fikr, Damshiq, Jil 2, hal. 319; Muhammad b. ‘Abd Allah al-Andalusi, *Ahkam al-Qur’an li Ibn al-‘Arabi*, Isma’il Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, Dar Tayyibah, 2002.

termasuk Malaysia sendiri khususnya wakaf an-Nur, Johor. Hasil daripada itu, para pakar kewangan Islam kontemporari telah memikirkan kemungkinan untuk menubuhkan “Wakaf Bank” atau “Waqf Bank”. Persoalannya bagaimana, apakah hujjah-hujahnya, apa hukumnya, apakah sandaran ayat al-Qur’an, hadis atau siapakah yang memulakan pemikiran ini.

Bank wakaf dalam Islam bermula apabila terdapat sebilangan orang kaya mewakafkan wangnya dan hasil daripada keuntungan wang-wang wakaf itu dilaburkan semula secara *mudarabah*, kemudian keuntungan yang didapati daripada pelaburan tersebut disalurkan untuk perkara-perkara yang berkebakikan.¹⁵ Walaupun sebenarnya erti waqaf itu mengikut Prof Murat Cizakca yang dikenali di Eropah khususnya di German sebagai *Hauptgeldsiftung* atau *Kapitalstiftung* dan di Itali sebagai *Monti di Pieta*. Pada asasnya ialah untuk menyelamatkan orang-orang miskin daripada dikenakan kadar peratusan riba yang rendah.¹⁶

Seterusnya pada zaman moden ini, wakaf wang tunai boleh diwujudkan melalui saham yang diperbadankan untuk pemilikan bersama oleh pemegang-pemegang saham dalam sesebuah syarikat. Dalam hal ini, Imam Zufar bersetuju bahawa wakaf wang tunai boleh dilaburkan dalam aktiviti kewangan Islam berdasarkan mekanisma *mudarabah*.¹⁷

5.0. Mentransformasikan Endowmen Wakaf Tunai Dan Bank Wakaf

Melihat pelaksanaan wakaf dalam arus pemikiran moden di luar Malaysia khususnya di Emiriah Arab Bersatu, di mana negara tersebut sudah agak terkehadapan walaupun baru dalam bentuk pemikiran. Nampaknya bank-bank Islam di serata dunia sekarang telah mencipta satu unit khas berkaitan wakaf. Ini merupakan satu idea yang patut diberi sokongan. Sebagai contoh, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sendiri telah menubuhkan dana wakaf (*waqf fund*). Di luar Negara, contohnya di Bangladesh dan Senegal. Pada tahun 2008,

¹⁵ Murat Cizakca, *Incorporated cash waqfs and mudaraba, Islamic non-bank financial instruments from the past to the future*, paper submitted to the International seminar on non-bank financial Institutions, Kuala Lumpur, Jan 26-28, 2004. (Online at <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/25336/.Munich> Personal RePEc (MPRA). MPRA paper No. 25336, posted 26 September 2010.

¹⁶ Murat Cizakca, *Incorporated cash waqfs and mudaraba, Islamic non-bank financial instruments from the past to the future*, paper submitted to the International seminar on non-bank financial Institutions, Kuala Lumpur, Jan 26-28, 2004. (Online at <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/25336/.Munich> Personal RePEc (MPRA). MPRA paper No. 25336, posted 26 September 2010.

¹⁷ Murat Cizakca, *Incorporated cash waqfs and mudaraba, Islamic non-bank financial instruments from the past to the future*, paper submitted to the International seminar on non-bank financial Institutions, Kuala Lumpur, Jan 26-28, 2004. (Online at <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/25336/.Munich> Personal RePEc (MPRA). MPRA paper No. 25336, posted 26 September 2010.

kerajaan Senegal telah meluluskan penubuhan *Waqf* bank yang tujuannya semata-mata untuk memberi laluan kepada orang-orang miskin mendapatkan pinjaman tanpa riba.

Penyelidikan di Johor mengenai hal ini telah dilakukan oleh penyelidik dan pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di mana beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk, “*Towards an Islamic Social (Waqf) Bank*, diterbitkan oleh International Journal of Trade and Finance Vol. 2, No 5, October 2011, katanya; “Bahawa *waqf* tunai melalui wang secara derma boleh dijadikan modal *Waqf* bank...”.¹⁸ Gagasan pemikiran mengenai bank wakaf ini harus diteruskan supaya akhirnya nanti tanah-tanah wakaf yang begitu banyak di Johor itu dapat dicairkan dengan dijual dan wang yang sudah dicairkan hasil daripada jualan tersebut itu dijadikan sebagai bank waqf. Jika bank waqf dapat ditubuhkan di Johor, saya kira, ianya merupakan usaha pertama di Malaysia di mana Johor dianggap sebagai perintis bank waqf di Malaysia kerana usaha untuk mencairkan harta wakaf di Malaysia merupakan satu masalah yang perlu kepada penyelesaian yang holistik.

Asas mengapa bank waqf menjadi harus ialah kerana harusnya wakaf wang tunai. Idea dan pemikiran ini, dipelopori pada mulanya oleh mazhab Maliki tetapi didapati juga para ulama Shafi’i yang mutakhir setuju dengan idea tersebut. Tidak janggal jika kita dapat melaksanakan hal ini kerana jika dalam masalah perundangan Islam di Malaysia, kita telah mengambil pendekatan dan pemikiran mazhab Hanafi dalam hal berkaitan teori kewangan Islam secara umum, maka tidak menjadi kesalahan jika dalam hal ini kita menjadikan pemikiran mazhab Maliki sebagai asasnya kerana melihat dari sudut *maqasidnya* yang mementingkan maslahat umum. Dalam perundangan Islam, hal mengambil idea-idea mazhab lain dijadikan sebagai sandaran hukum dikenali sebagai “*talfiq*”. Inilah dinamikanya Islam yang sentiasa mempunyai jalan keluar untuk menyelesaikan segala masalah demi kebaikan umat iaitu dengan mengambil pemikiran yang terdapat di luar pemikiran mazhab Shafi’i sebagai jalan untuk menyelesaikan masalah kehidupan di dunia. Ini juga adalah saranan yang dibuat oleh pemikir-pemikir dalam disiplin “*maqasid Shariah*” itu sendiri di mana persoalan asasnya ialah membincangkan lima perkara asas dalam kehidupan manusia iaitu penjagaan nyawa, keturunan, kehormatan, agama dan harta benda.

¹⁸ M.Tahir, *Towards an Islamic Social (Waqf) Bank*, 2011.

Justeru, cara dan operasi bank waqf sebagai yang telah disarankan oleh pakar-pakar pemikiran ini adalah seperti berikut:

Pertama – Bank boleh mengeluarkan wang tunai yang terkumpul dijadikan dana untuk pinjaman. Pengeluaran wang tersebut boleh diberikan kepada pemohon-pemohon seperti mereka yang menanggung hutang, mereka yang hendak mendirikan rumahtangga dan mereka yang hendak menjalankan projek-projek berkaitan kebajikan orang awam. Setelah hutang-hutang tersebut dilangsaikan oleh pemiutang, maka wang yang terkumpul daripada bayaran hutang tersebut pula boleh dijadikan sebagai pinjaman kepada orang lain yang memerlukannya. Wang tunai tersebut boleh dalam bentuk kekal (*perpetual*) selagi bayaran tebusan atas sebab kerugian dalam pasaran dan turun naik nilai mengikut sebagai yang dirancang.

Kedua, wang modal wakaf yang terdapat dalam bank wakaf dibenarkan untuk dilaburkan dalam semua kegiatan pelaburan yang halal yang boleh mendatangkan keuntungan. Operasi wang modal wakaf tersebut boleh dijadikan dana pinjaman dan dana pelaburan selagi pengurusan pelaburan tersebut dilakukan dilaksanakan mengikut hukum syarak.

Bank wakaf boleh memberikan pelbagai perkhidmatan dan bukan semata-mata yang berkaitan dengan wakaf sahaja. Justeru, jika bank wakaf dapat ditubuhkan, ianya boleh mengumpulkan jutaan ringgit dan wang-wang tersebut boleh membantu untuk membangunkan harta-harta wakaf. Hakikatnya kerana harta wakaf tidak boleh diniagakan sewenang-wenangnya seperti harta-harta lain, maka harta tersebut tidak boleh dikolateralkan untuk mendapatkan pembangunan kewangan.

Wakaf secara tunai dan diberikan dalam bentuk sijil merupakan satu produk baru dalam sejarah kewangan Islam. Ini dilaksanakan oleh Wakaf an-Nur, Johor Corporation. Skim ini saya fikir boleh diterima oleh orang ramai kerana cara ini merupakan suatu bentuk kewangan Islam yang inovatif serta pada waktu yang sama dapat mengemaskinikan sedekah jariah yang disebutkan dalam hadis Nabi di atas.

6.0. Operasi Skim Wakaf Tunai

Operasi skim wakaf adalah melalui cara-cara berikut:

1. Wakaf secara wang tunai yang dibuat oleh seseorang dikumpulkan dalam sebuah bank di mana bank mewakili pewakaf (*waqif*) dan pewakaf hendaklah berniatkan wang tersebut untuk dijadikan sebagai harta wakaf.
2. Tujuan berwakaf yang dibuat oleh pewakaf itu dibolehkan kepada apa sahaja bentuk wakaf selagi tujuannya adalah untuk memberi bantuan kepada orang lain seperti bantuan kepada pusat pemulihan, pendidikan dan kesenian dan apa sahaja yang difikirkan sesuai dan wang yang diwakafkan tersebut boleh diberikan sebagai bantuan. Setelah keuntungan daripada wang wakaf tunai terkumpul tersebut yang biasanya dilaburkan secara *mudarabah*, boleh dibahagi-bahagikan kepada sesiapa yang layak untuk menerimanya sebagai yang dipersetujui oleh orang pewakaf (*waqif*).
3. Walaupun sebanyak mana amaun yang didepositkan dalam wakaf tunai dalam bank wakaf itu boleh dilaburkan oleh bank selagi pelaburan itu adalah patuh shari'ah. Keuntungan pelaburan tersebut boleh dibelanjakan kepada apa sahaja yang dibenarkan oleh pewakaf tetapi wang wakaf yang tidak dilaburkan dengan sendirinya dan dikekalkan dalam akaun wakaf bank.
4. Dalam keadaan tertentu, seorang pewakaf boleh membuat arahan kepada bank wakaf untuk membelanjakan kesemua keuntungan pelaburan yang diperolehinya sebagai yang diarahkannya.

7.0 Penutup dan kesimpulan

Walaupun pemikiran wakaf tunai pada mulanya dipelopori oleh mazhab Maliki yang mengharuskan wakaf wang tunai, tetapi melihat kepada maslahat umum bahawa bank wakaf harus diberi perhatian kerana faedah yang sekiranya bank wakaf ini dapat ditubuhkan, ianya dapat banyak membantu orang-orang Islam yang memerlukannya. Daripada artikel ini dapat dirumuskan bahawa bank wakaf adalah diharuskan oleh Islam selagi hasil dan manfaatnya adalah untuk kebajikan awam.

Jika *endowmen* hendak disamakan dengan wakaf, maka *endowmen* tersebut hendaklah didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam negeri. Sekiranya *endowmen* adalah menyamai

fungsi wakaf, maka cara yang terbaik sekiranya endowment atau wakaf itu tidak di dalam senarai negeri maka setiap kegiatan hendaklah dihadiri oleh pakar syari'ah yang tahu siluk belok hukum agama mengenai wakaf dalam kitab-kita Turath, supaya tujuan keagamaan wakaf dalam Islam tidak lari dari objektif yang sebenar. Perkara seperti ini berlaku di luar negara khususnya di Dubai di mana ulama dalam bidang Syari'ah akan dijemput hadir dan mengawasi dan memberikan pendapatnya dalam setiap mesyuarat yang diadakan.

Appendix

Harvard's endowment, the University's largest financial asset, is a perpetual source of support for the University and its mission of teaching and research. The endowment is made up of more than 13,000 funds; the two largest categories of funds support faculty and students, including professorships and financial aid for undergraduates, graduate fellowships, and student life and activities.

What is Harvard's endowment?

Harvard's endowment is a dedicated and permanent source of funding that maintains the teaching and research mission of the University. Made up of more than 13,000 individual funds invested as a single entity, the endowment's returns have enabled leading financial aid programs, groundbreaking discoveries in scientific research, and hundreds of professorships across a wide range of academic fields.


Each year, a portion of the endowment is paid out as an annual distribution to support the University's budget, while any appreciation in excess of this annual distribution is retained in the endowment so it can grow and support future generations. As a result, the endowment can provide the financial foundation for the University for generations to come.

Distributions from Harvard's endowment provide a critical source of funding for the University. The endowment distributed \$1.6 billion in the fiscal year ending June 30, 2015—contributing over a third of Harvard's total operating revenue in that year. The overwhelming majority of the funds that make up Harvard's endowment are restricted to specific programs, departments, or purposes (dedicated scholarships, named professorships, etc.), and must be spent in accordance with terms set forth by the donor. Payout from these funds can only be spent in support of the fund's designated purpose. Unrestricted funds, which account for about 30 percent of Harvard's endowment, are more flexible in nature and are critical in supporting structural operating expenses and transformative, strategic initiatives.

Each of Harvard's twelve Schools "owns" its share of the endowment. Roughly 80 percent of the funds that make up the endowment are dedicated by the donor to a specific School.

School revenue profiles vary widely, and each draws a different proportion of its budget from its endowment.

FISCAL 2015 SOURCES OF OPERATING REVENUE



What does Harvard’s endowment support?

The endowment remains the largest source of revenue supporting the University budget. In fiscal year 2015, endowment distributions for operations represented 35 percent of the University’s income—ranging from 89 percent of Radcliffe Institute for Advanced Study revenue down to 15 percent for the Harvard T.H. Chan School of Public Health.

Endowment funds support nearly every aspect of University operations. The two largest categories of funds cover faculty salaries, including professorships, and financial aid for undergrads, graduate fellowships, and student life and activities. Harvard also has endowments that support academic programs, libraries, art museums, facilities, and a wide variety of other activities.

Even with endowment support, Harvard must fund nearly two-thirds of its operating expenses (\$4.5 billion in fiscal year 2015) from other sources, such as federal and non-federal research grants, student tuition and fees, and gifts from alumni, parents, and friends.

Who manages Harvard's endowment?

Formed in 1974, Harvard Management Company (HMC)—a nonprofit, wholly owned subsidiary of Harvard University—manages the endowment. HMC's singular mission is to support the University by investing and enhancing its financial resources for the long term.

Under HMC's "hybrid model" of investing, Harvard's endowment funds are managed through internal investment professionals, as well as through relationships with third-party managers. This allows HMC to combine top-quality investment management by internal teams with cutting-edge capability from specialized teams around the world. The benefits of this approach include the alignment of interests, cost efficiency, and greater transparency.

How does Harvard determine its endowment payout?

The University's spending practice has to balance two competing goals: the need to fund the operating budget with a stable and predictable distribution, and the obligation to maintain the long-term value of endowment assets after accounting for inflation.

The University determines the annual endowment distribution by utilizing a payout formula that provides a steady stream of income to support current needs while preserving the endowment's future purchasing power. This process is similar to those of many other colleges and universities.

Harvard targets an annual endowment payout rate of 5.0 to 5.5 percent of market value. The University's actual payout rate has fluctuated over the past 10 years, from a low of 4.2 percent in fiscal year 2006 to a high of 6.1 percent in fiscal year 2010. This variation exists because the dollar amount of the distribution for the next fiscal year is determined well in advance of the start of the fiscal year and prior to knowing the market value at the end of it. This practice is followed to allow Schools and units adequate time for financial planning.

The utilization of this payout formula means that the annual payout rate is generally lower following years of relatively high investment returns and higher following years of lower investment returns. Adjustments are made in succeeding years, keeping in mind the long-term payout goal. The Harvard Corporation approves the final distribution amount. Because the endowment is managed as a single investment pool by HMC, the annual payout rate is consistent across all funds.

Why can't Harvard use more of its endowment in order to cover additional expenses or reduce tuition costs?

Returns from the endowment foster leading financial aid programs, scientific research discoveries, and hundreds of professorships.

However, there is a common misconception that endowments, including Harvard's, can be accessed like bank accounts, used for anything at any time as long as funds are available. In reality, Harvard's flexibility in spending from the endowment is limited by the fact that it must be maintained in perpetuity and that it is largely restricted.

Endowment gifts are intended by their donors to benefit both current and future generations of students and scholars. As a result, Harvard is obligated to preserve the purchasing power of these gifts by spending only a small fraction of their value each year. Spending significantly more than that over time, for whatever reason, would privilege the present over the future in a manner inconsistent with an endowment's fundamental purpose of maintaining intergenerational equity.

In addition, many donors also designate a specific purpose for which their fund can be spent. For Harvard, approximately 80 percent of endowed funds are subject to these restrictions. Contributions may be given in support of a specific School, program, or activity, and can only be used for those purposes

Harvard's endowment, the University's largest financial asset, is a perpetual source of support for the University and its mission of teaching and research. The endowment is made up of more than 13,000 funds; the two largest categories of funds support faculty and students, including professorships and financial aid for undergraduates, graduate fellowships, and student life and activities.

What is Harvard's endowment?

Harvard's endowment is a dedicated and permanent source of funding that maintains the teaching and research mission of the University. Made up of more than 13,000 individual funds invested as a single entity, the endowment's returns have enabled leading financial aid


programs, groundbreaking discoveries in scientific research, and hundreds of professorships across a wide range of academic fields.

Each year, a portion of the endowment is paid out as an annual distribution to support the University's budget, while any appreciation in excess of this annual distribution is retained in the endowment so it can grow and support future generations. As a result, the endowment can provide the financial foundation for the University for generations to come.

Distributions from Harvard's endowment provide a critical source of funding for the University. The endowment distributed \$1.6 billion in the fiscal year ending June 30, 2015—contributing over a third of Harvard's total operating revenue in that year. The overwhelming majority of the funds that make up Harvard's endowment are restricted to specific programs, departments, or purposes (dedicated scholarships, named professorships, etc.), and must be spent in accordance with terms set forth by the donor. Payout from these funds can only be spent in support of the fund's designated purpose. Unrestricted funds, which account for about 30 percent of Harvard's endowment, are more flexible in nature and are critical in supporting structural operating expenses and transformative, strategic initiatives.

Each of Harvard's twelve Schools "owns" its share of the endowment. Roughly 80 percent of the funds that make up the endowment are dedicated by the donor to a specific School. School revenue profiles vary widely, and each draws a different proportion of its budget from its endowment.

FISCAL 2015 SOURCES OF OPERATING REVENUE



What does Harvard’s endowment support?

The endowment remains the largest source of revenue supporting the University budget. In fiscal year 2015, endowment distributions for operations represented 35 percent of the University’s income—ranging from 89 percent of Radcliffe Institute for Advanced Study revenue down to 15 percent for the Harvard T.H. Chan School of Public Health.

Endowment funds support nearly every aspect of University operations. The two largest categories of funds cover faculty salaries, including professorships, and financial aid for undergrads, graduate fellowships, and student life and activities. Harvard also has endowments that support academic programs, libraries, art museums, facilities, and a wide variety of other activities.

Even with endowment support, Harvard must fund nearly two-thirds of its operating expenses (\$4.5 billion in fiscal year 2015) from other sources, such as federal and non-federal research grants, student tuition and fees, and gifts from alumni, parents, and friends.

Who manages Harvard’s endowment?

Formed in 1974, Harvard Management Company (HMC)—a nonprofit, wholly owned subsidiary of Harvard University—manages the endowment. HMC’s singular mission is to support the University by investing and enhancing its financial resources for the long term. Under HMC’s “hybrid model” of investing, Harvard’s endowment funds are managed through internal investment professionals, as well as through relationships with third-party managers. This allows HMC to combine top-quality investment management by internal teams with cutting-edge capability from specialized teams around the world. The benefits of this approach include the alignment of interests, cost efficiency, and greater transparency.

How does Harvard determine its endowment payout?

The University’s spending practice has to balance two competing goals: the need to fund the operating budget with a stable and predictable distribution, and the obligation to maintain the long-term value of endowment assets after accounting for inflation.

The University determines the annual endowment distribution by utilizing a payout formula that provides a steady stream of income to support current needs while preserving the endowment’s future purchasing power. This process is similar to those of many other colleges and universities.

Harvard targets an annual endowment payout rate of 5.0 to 5.5 percent of market value. The University’s actual payout rate has fluctuated over the past 10 years, from a low of 4.2 percent in fiscal year 2006 to a high of 6.1 percent in fiscal year 2010. This variation exists because the dollar amount of the distribution for the next fiscal year is determined well in advance of the start of the fiscal year and prior to knowing the market value at the end of it. This practice is followed to allow Schools and units adequate time for financial planning. The utilization of this payout formula means that the annual payout rate is generally lower following years of relatively high investment returns and higher following years of lower investment returns. Adjustments are made in succeeding years, keeping in mind the long-term payout goal. The Harvard Corporation approves the final distribution amount. Because the endowment is managed as a single investment pool by HMC, the annual payout rate is consistent across all funds.

Why can’t Harvard use more of its endowment in order to cover additional expenses or reduce tuition costs?

Returns from the endowment foster leading financial aid programs, scientific research discoveries, and hundreds of professorships. However, there is a common misconception that endowments, including Harvard's, can be accessed like bank accounts, used for anything at any time as long as funds are available. In reality, Harvard's flexibility in spending from the endowment is limited by the fact that it must be maintained in perpetuity and that it is largely restricted.

Endowment gifts are intended by their donors to benefit both current and future generations of students and scholars. As a result, Harvard is obligated to preserve the purchasing power of these gifts by spending only a small fraction of their value each year. Spending significantly more than that over time, for whatever reason, would privilege the present over the future in a manner inconsistent with an endowment's fundamental purpose of maintaining intergenerational equity.

In addition, many donors also designate a specific purpose for which their fund can be spent. For Harvard, approximately 80 percent of endowed funds are subject to these restrictions. Contributions may be given in support of a specific school, program, or activity, and can only be used for those purposes.